

## PERTANDINGAN BERCERITA KANAK-KANAK SEMPENA FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK 2023

### 1. MAKLUMAT PERTANDINGAN

- 1.1. Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak FSK 2023 merupakan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara.
- 1.2. Tempoh pertandingan ini adalah bermula dari **1 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023**.
- 1.3. Tema pertandingan adalah “**Cerita Kita Warisan Kita**”. Pengisian cerita perlu menerapkan elemen perpaduan dan nilai-nilai murni.

### 2. PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada kanak-kanak Warganegara Malaysia berumur 7 – 12 tahun sahaja.
- 2.2 Setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
- 2.3 Penyertaan adalah **PERCUMA**.

### 3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang diberikan iaitu “**Cerita Kita Warisan Kita**”.
- 3.2 Penyertaan hendaklah memaparkan nilai-nilai perpaduan dan murni masyarakat Malaysia. Penceritaan yang menyentuh isu sensitif seperti perkauman, keagamaan atau hasutan dan boleh menyinggung sensitiviti masyarakat adalah **DILARANG**. Penganjur **berhak membatalkan penyertaan** sekiranya didapati terdapat unsur negatif di dalam video yang dihasilkan.
- 3.3 Penyertaan video pendek perlu disertakan maklumat berikut:
  - Nama Pencerita
  - Tajuk Cerita dan Sinopsis
  - Umur
- 3.4 Penyertaan adalah dalam Bahasa Malaysia.

#### 4. SYARAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan bermula pada 1 Julai 2023 sehingga 31 Julai 2023.
- 4.2 Penyertaan hanya boleh dikemukakan secara individu.
- 4.3 Video yang dihasilkan berdurasi selama 3 minit (minimum) hingga 5 minit (maksimum) bagi keseluruhan video termasuk kredit.
- 4.4 Setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
- 4.5 Setiap video pendek adalah merupakan hasil karya asli.
- 4.6 Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati video yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan peserta akan dibatalkan serta-merta.
- 4.7 Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan filem atau video.
- 4.8 Penceritaan yang menyentuh isu sensitif seperti perkauman, keagamaan atau hasutan dan boleh menyinggung sensitiviti masyarakat adalah **DILARANG SAMA SEKALI**. Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya didapati terdapat unsur negatif di dalam video yang dihasilkan.
- 4.9 Peserta hendaklah berpakaian sopan dan bebas menggunakan apa-apa kostum atau latar belakang mengikut kreativiti masing-masing.
- 4.10 Peserta mestilah menggunakan peralatan rakaman sendiri sama ada menggunakan telefon pintar atau perakam video untuk menghasilkan video di mana elemen lakonan atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing adalah dibenarkan.
- 4.11 Kos penyertaan pertandingan ditanggung oleh peserta sepenuhnya.
- 4.12 Format video yang ditetapkan adalah mov, avi atau mp4 sahaja.
- 4.13 Format video yang ditetapkan adalah dalam orientasi *landskap* atau paparan *horizontal* sahaja.
- 4.14 Kualiti video minimum adalah 720 HD dan maximum adalah 1080 HD
- 4.15 Setiap video penyertaan hendaklah dimuatnaik melalui ruangan di *GoogleForm* yang disediakan.

## 5. KRITERIA PENGHAKIMAN

5.1 Keseluruhan video pendek yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan seperti berikut:

| PERKARA                   | PEMARKAHAN (%) |
|---------------------------|----------------|
| Idea dan Kreativiti       | 30             |
| Gaya Persembahan          | 30             |
| Kelancaran dan Intonasi   | 20             |
| Pakaian                   | 20             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>100</b>     |

5.2 Video penyertaan akan dipilih oleh juri dan akan disaring sebagai pemenang.

5.3 Semua keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.

5.4 Semua video penyertaan yang diterima oleh pihak Urus setia menjadi hak milik PNM dan PNM boleh menggunakan video-video penyertaan tersebut untuk apa-apa tujuan.

## 6. SENARAI HADIAH PEMENANG

6.1 Pemenang-pemenang akan menerima:

- Johan = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Naib Johan = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Tempat Ketiga = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Saguhati = Wang Tunai dan sijil penyertaan

## **7. PENOLAKAN PENYERTAAN**

- 7.1. Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan; dan
- 7.2. Urus setia juga berhak mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari semasa ke semasa.

## **8. PENAFIAN**

- 8.1. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga.
- 8.2. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta mengakui bahawa setiap elemen di dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga dan / atau apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 8.3. Pihak penganjur mempunyai kuasa mutlak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya ianya patut dan perlu.

## **9. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

- 9.1. Semua penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak Urus Setia selewat-lewatnya pada 31 Julai 2023 sebelum jam 11.59 malam.
- 9.2. Penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

## **10. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus Setia  
Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak FSK 2023  
Bahagian Pinjaman  
Aras 1, Anjung Bestari  
Perpustakaan Negara Malaysia  
232, Jalan Tun Razak,  
**50572 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-26871826 /1711 /1769  
E-mel : pinjaman@pnm.gov.my